



Persatuan Pengguna Pulau Pinang  
Consumers Association of Penang  
檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
(in English, BM, Chinese,  
& Tamil)  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Kenyataan Akhbar**

**3 Jun 2022**

**Undang-Undang Tanda Harga mesti dikuatkuasakan**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menguatkuasakan Akta Kawalan Harga 1946 Pindaan 1973, Seksyen 8 (1) yang menghendaki peniaga mempamerkan tanda harga pada barangan yang dimaksudkan untuk dijual.

Tinjauan berulang kami di sekitar Pulau Pinang menunjukkan bahawa ramai peniaga terutamanya gerai makan dan restoran secara terang-terangan melanggar Akta Kawalan Harga.

Pesalah utama adalah gerai di mana harga makanan dan minuman yang dijual oleh gerai ini tidak mempunyai senarai harga yang dipamerkan. Kadang-kadang mereka mempamerkan senarai harga yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Cina.

Kedua dalam senarai pesalah ialah restoran yang tidak mengemas kini senarai harga mereka.

Banyak kedai makanan mempunyai senarai harga mereka yang terletak agak jauh dari tempat makanan yang diletakkan. Oleh sebab itu, amat sukar bagi pelanggan untuk mengetahui harga makanan yang diletakkan di tempatnya dengan yang ada di pingganinya dan selalunya harganya melebihi belanjawannya. Lebih-lebih lagi pada masa sekarang dengan kenaikan mendadak harga makanan.

Secara amnya, pengguna sering dikenakan bayaran yang berlebihan dalam kes ini dan mereka tidak mempunyai senarai harga untuk dipertikaikan serta untuk berhujah mengenai bayaran pada bil mereka.

Menurut Akta itu, penjual bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pembeli mengenai harga dan kekurangan penguatkuasaan telah menghalang keberkesanan undang-undang ini.

Sehubungan itu, CAP menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjalankan pemeriksaan di seluruh negara dan menguatkuasakan undang-undang dengan tegas mengikut Seksyen 8(1) Akta Kawalan Harga 1946 Pindaan 1973. Mereka yang didapati bersalah perlu diambil tindakan dengan segera.

**Mohideen Abdul Kader**  
**Presiden**  
**Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)**